

13/03/2001

Pemimpin muda perlu diberi peluang tunjuk kebolehan

ZAHIDI Zainul Abidin, 40, lulusan Pentadbiran Awam dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), dilahirkan di Kangar, Perlis pada 9 Januari 1961.

Selepas mendapat pendidikan rendah di Kulim, Kedah, beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Putra dan Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis.

Sebaik tamat persekolahan, beliau berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) selama empat tahun hingga berjaya memperoleh Sijil Radar Mekanikal.

Zahidi pernah menjadi Setiausaha Politik Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, dan memegang pelbagai jawatan dalam syarikat kerajaan negeri dan Mara.

Ketika ini, beliau ialah Pengerusi Biro Perhubungan Awam Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dan pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam Pemuda Umno Perlis, termasuk Ketua Pemuda Negeri.

Pada peringkat Pusat, beliau pernah menganggotai Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Umno, Biro Dakwah, Biro Antarabangsa, Ahli Majlis Antarabangsa dan Ahli Majlis Latihan dan Mahasiswa.

Zahidi yang berkahwin dengan Noraine Ahmad, pernah mengetuai Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) UiTM selama dua penggal.

Pada pilihan raya umum lalu, beliau menang sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Beseri, Perlis.

Sebagai individu yang dipertanggungjawabkan mengenai perhubungan awam, Zahidi melihat Umno masih tidak kehilangan imej atau menghadapi persepsi negatif.

Ikuti temu bual penulis khas Berita Harian, Azhar Abu Samah dan Khairul Anwar Rahmat, dengan beliau yang menyentuh pelbagai isu semasa.

BERITA HARIAN (BH): Sebagai bekas pemimpin pelajar, mengapa Umno menjadi pilihan saudara bagi meneruskan perjuangan anak bangsa?

ZAHIDI: Ketika memimpin pelajar, saya banyak berdamping dengan pemimpin kerajaan dan Umno ketika menganjurkan pelbagai program. Kita jemput mereka menghadiri program yang kita anjurkan dan mereka datang. Sungguh pun ada antara mereka pemimpin tertinggi kerajaan, mereka tetap menunjukkan minat terhadap program pelajar. Bermula dari situ, saya tertarik dengan Umno. Saya juga melihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu berwibawa dalam memimpin negara ke arah kemajuan dan kemakmuran. Selain itu, saya nampak pemimpin Umno ikhlas berjuang memartabatkan bangsa dan mendaulatkan agama. Sebaik tamat pengajian, saya tidak teragak-agak menceburkan diri dalam Umno untuk menyumbang tenaga dan fikiran. Saya yakin Umno adalah medan perjuangan terbaik untuk perjuangan anak bangsa, agama dan negara.

BH: Ada pihak mengatakan Umno sudah kehilangan imej. Bagaimana saudara yang terbabit dalam soal perhubungan awam melihat perkara ini?

ZAHIDI: Umno tidak kehilangan imej. Yang jadi masalah hanyalah di kalangan segelintir generasi muda hari ini yang berasakan Umno sudah kehilangan imej.

Bagi orang tua, terutama di kampung, Umno tetap menjadi pilihan dan sentiasa relevan kepada mereka. Mereka tahu Umno sudah banyak berjasa, terutama untuk membangunkan negara, masyarakat kampung dan memberi pembelaan kepada masyarakat luar bandar, terutama orang Melayu. Umno juga mahu memartabatkan agama Islam dan berusaha membentuk masyarakat yang menjurus ke arah agama.

Namun, sesetengah generasi muda melihat Umno sudah tidak ada makna dalam hidup mereka. Persoalannya, kenapa ini berlaku? Sebabnya, mereka sudah banyak terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang melalui Internet, akhbar dan majalah yang condong kepada pembangkang. Apabila mereka (pelajar) memasuki kampung, mereka cuba meyakinkan ibu bapa mereka yang selama ini menyokong Umno supaya membenci Umno dan menyokong pembangkang. Dulu, emak dan ayah menghantar mereka ke universiti, apabila sudah berjaya dan mendapat kedudukan baik, mulalah menghasut ibu bapa dengan menuduh kerajaan buat itu tak kena, tak betul dan sebagainya.

BH: Ini menunjukkan banyak maklumat sebenar mengenai Umno dan kerajaan tidak sampai ke peringkat akar umbi, termasuk pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

ZAHIDI: Masyarakat kampus secara keseluruhannya terpelajar. Kadangkala apabila sudah mendapat ilmu di kampus, mereka berasakan sudah pandai daripada orang lain yang tidak pernah belajar di situ walaupun hakikatnya ramai pemimpin Umno adalah lulusan universiti. Bagaimanapun, ada sedikit salah faham mengenai pemimpin Umno kurang turun ke kampus dan mendampingi pelajar. Ada akta yang mengehendakan pelajar dengan politik dan kita menghormati undang-undang ini. Tidak seperti sesetengah pemimpin pembangkang, Umno jika mahu masuk ke kampus, kita perlu dapat kebenaran pihak berkenaan terlebih dulu. Bagi pembangkang, mereka masuk begitu saja tanpa menghiraukan undang-undang sedia ada. Itulah antara kekangan dan halangan yang kita hadapi untuk bertemu pelajar. Bagaimanapun, apabila ada peluang berbuat demikian, kita akan berusaha menerangkan perkara sebenar kepada mereka.

BH: Mengapa ramai pemimpin pelajar dan bekas pemimpin pelajar condong kepada perjuangan pembangkang?

ZAHIDI: Kadangkala generasi muda berasakan terlalu banyak birokrasi jika mahu bergiat aktif dalam Umno. Seorang lulusan universiti, misalnya, jika pulang dan mahu aktif pada peringkat cawangan, mengalami masalah penerimaan masyarakat setempat. Mereka terpaksa berusaha keras untuk meyakinkan pemimpin pada peringkat cawangan. Seterusnya, pada peringkat bahagian, mereka mengalami masalah sama. Laluannya begitu sukar dan banyak rintangan, pada hal kalau seorang aktivis atau bekas pemimpin pelajar masuk pembangkang, mereka diberi tempat dan peluang. Misalnya, calon pilihan raya lalu, ramai calon pembangkang adalah orang muda, latar belakang aktivis pelajar dan orang yang bergerak dalam masyarakat. Ramai orang muda berasakan pembangkang memberi lebih ruang kepada mereka. Oleh itu, apabila mereka (pembangkang) masuk kampus, mereka kumpulkan pelajar dan yakinkan bahawa mereka mempunyai peluang yang lebih besar jika menyertai pembangkang. Sedangkan kita (Umno), terlalu banyak kekangan untuk mereka jadi pemimpin. Ada juga 'abang-abang' yang sudah lama di atas (barisan pimpinan) rasa sangsi dan khuatir mengenai kedudukan mereka dan kalau boleh pemimpin muda yang ada kebolehan, jangan diberi peluang.

BH: Mungkin Pemuda Umno ketika ini dilihat kekurangan tokoh berwibawa untuk diketengahkan?

ZAHIDI: Banyak sebab 'orang atas' tidak memberi peluang kepada Pemuda Umno. Bagaimanapun, kepemimpinan harus memberi peluang kepada Pemuda dengan menilai prestasi mereka. Kita lihat pada pilihan raya umum lalu, ramai tokoh Pemuda yang diberi peluang bertanding menang dan mendapat tempat di hati masyarakat setempat. Ini perlu diteruskan dan memberi peluang kepada orang muda untuk bersama-sama dalam arus kepemimpinan. Kalau Pemuda Umno tidak diberi peluang, kita tidak akan tahu keupayaan mereka. Saya harap semua pihak dapat memahami perkara ini dengan baik supaya peralihan kepemimpinan negara dapat dibuat dengan lancar.

BH: Bagaimana imej elit yang sering dikaitkan dengan Pemuda Umno?

ZAHIDI: Ini hanya tanggapan masyarakat. Sebenarnya, semua orang dalam

barisan kepemimpinan ada imej elit, bukan Pemuda saja. Bagaimanapun, semua peringkat kepemimpinan, sama ada bahagian, Pemuda atau Wanita, perlu berusaha mengikis imej elit itu.

BH: Ada pihak mendakwa proram Pemuda Umno Masuk Kampung yang dilaksanakan baru-baru ini gagal menepati matlamat kerana tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Exco Pemuda, sekali gus dilabel Pemuda Umno masih mempunyai imej elit?

ZAHIDI: Program Masuk Kampung yang dianjurkan Pemuda Umno baru-baru ini tidak sepatutnya menjadi isu kerana yang penting program itu sudah mencapai matlamatnya. Saya akui, memang tidak semua ahli Exco Pemuda dapat hadir dalam setiap program anjuran Pemuda kerana kebanyakan mereka ada pelbagai komitmen, termasuk sebahagian daripada mereka juga pemimpin di kawasan masing-masing. Pemimpin Umno pada peringkat apa pun mempunyai tugas yang cukup banyak. Daripada menghadiri kenduri-kendara, kematian, melawat kawasan sehinggalah masalah parit pecah, semuanya perlu diuruskan.

Sebab itu, pada saya tidak semestinya semua Exco kena ada pada setiap program yang dianjurkan kerana masing-masing ada jadual sendiri yang perlu diberikan perhatian. Itu tidak termasuk masalah peribadi dan hal kecemasan. Saya harap orang lain faham perkara ini. Namun, yang lebih penting ialah tujuan dan matlamat program berkenaan. Saya secara peribadi menganggap program itu berjaya sebab rakyat dapat menyuarakan pandangan dan masalah mereka. Pemuda Umno akan membawa suara hati dan masalah yang mereka hadapi ke peringkat lebih atas. Selain itu, saya melihat perkara lebih penting ialah memperkuatkan kepemimpinan Pemuda di peringkat cawangan dan bahagian.

Perlu diingat juga, di mana-mana kampung sudah ada wakil Pergerakan Pemuda. Jadi, tugas pimpinan Pemuda Umno ialah untuk mengenal pasti masalah yang ada dan memberi seberapa banyak bantuan kepada ahli Pemuda pada peringkat bahagian, barulah Pemuda kuat. Jika hari ini Exco Pemuda boleh turun ke kampung, mungkin esok dia tidak boleh berbuat demikian. Oleh itu, jika Pemuda cawangan dan bahagian kuat, mereka akan sentiasa berada di sana (kampung) dan membantu Umno dan masyarakat. Apa saja masalah dan bantuan yang mereka minta, kita perlu bantu, misalnya dari segi kewangan, keperluan latihan dan ilmu.

Dalam soal ini, kita perlu ikhlas memberi bantuan demi menyerlahkan potensi mereka supaya dapat menjadi pemimpin setempat yang boleh berkhidmat kepada parti dan masyarakat. Seboleh-bolehnya kita cuba memenuhi keperluan mereka, termasuk memberi sedikit bantuan kewangan bagi melancarkan program yang mereka rancang.

BH: Apa perancangan saudara selaku Pengerusi Biro Perhubungan Awam Pemuda Umno dalam memberi maklumat tepat kepada rakyat mengenai parti dan kerajaan?

ZAHIDI: Kami sedang merancang menubuhkan Pusat Pengaduan Awam. Apabila kita sebut Biro Perhubungan Awam, bermakna setiap perkara yang berkaitan dengan awam menjadi tanggungjawab kita. Dengan adanya Pusat Pengaduan Awam ini, kita akan dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi masyarakat, sama ada dengan kerajaan atau jabatan kerajaan. Kita juga akan bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana mereka rapat dengan orang awam, contohnya persatuan pengguna, persatuan pelajar dan persatuan alam sekitar. Kita boleh duduk berbincang dengan mereka mengenai apa saja masalah untuk diatasi bersama. Kita juga mahu merapatkan hubungan di antara kerajaan dengan NGO sedia ada.

BH: Bagaimana saudara melihat usaha terbaru pembangkang, khususnya Parti Keadilan Nasional (Keadilan), yang mengajak rakyat berdemonstrasi untuk menggulingkan kerajaan?

ZAHIDI: Sebenarnya masalah Ezam (Mohd Noor, Ketua Pemuda Keadilan) ialah dia cuba menunjukkan bahawa sokongan rakyat kepada Keadilan sentiasa

berterusan. Jadi, apabila dia melihat masyarakat mula menolak Keadilan, dia cuba membuat sesuatu untuk menunjukkan bahawa partinya masih mendapat sokongan rakyat. Matlamat dia hanya untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Namun, jelas tindakan yang dilakukannya itu kurang bijak kerana dia hendak menjatuhkan kerajaan dengan cara begitu. Ini menunjukkan dia tidak menghormati demokrasi. Selain itu, apabila pemimpin Umno cuba duduk semeja dengan Pas, Keadilan mulai risau sekiranya menjadi kenyataan dan ia sudah tentu akan merugikan mereka. Jadi, mereka mula membuat tindakan mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan keresahan masyarakat. Kita menyeru kepada rakyat supaya mempertahankan keamanan dan perpaduan negara kerana dengan kemakmuran yang ada, terutama orang muda, dapat menikmati hasil kemerdekaan hingga hari ini. Kita juga dapat kesejahteraan hidup hasil keamanan dan perpaduan yang ditunjukkan rakyat selama ini. Justeru, kita mahu rakyat menolak Keadilan kerana parti itu jelas menolak undang-undang, perlembagaan dan prinsip demokrasi yang kita dukung selama ini. Parti seperti ini tidak perlu disokong oleh rakyat dan jika kita sokong, bermakna kita terbabit dalam menghancurkan perpaduan dan keamanan negara.

BH: Sebagai wakil rakyat, saudara tentu sibuk dengan kegiatan setempat. Bagaimana saudara membahagikan masa untuk kegiatan Pemuda Umno?

ZAHIDI: Saya cuba membahagikan masa sebaik mungkin sebagai wakil rakyat BN yang berkesan dan pada masa sama sebagai Exco Pemuda Umno yang aktif. Bagaimanapun, pada masa tertentu, saya memberi keutamaan kepada program di kawasan saya. Begitu juga, saya beri keutamaan kepada tugas sebagai Exco Pemuda supaya dapat memberikan khidmat terbaik kepada Pemuda pada peringkat nasional.

BH: Setelah berjaya menawan Kelantan dan Terengganu, pembangkang mengalih perhatian kepada negeri di utara, terutama Kedah dan Perlis. Apa perancangan Pemuda Umno untuk menangkis usaha itu?

ZAHIDI: Masalah parti pembangkang ialah mereka cuba menyerang kepemimpinan Umno dari pelbagai peringkat. Kita lihat Presiden Umno menjalankan tugas dengan baik dan sukar bagi mereka mencari kesalahannya. Begitu juga Timbalan Presiden dan beberapa pemimpin lain. Bagaimanapun, mereka cuba cari kelemahan kepemimpinan Umno pada peringkat negeri dan bahagian. Untuk mengatasi masalah ini, wakil rakyat sedia ada dan kepemimpinan negeri mesti cuba sedaya upaya memperbaiki diri dan kelemahan mereka. Mereka perlu bekerjasama dengan wakil rakyat sedia ada untuk mengatasi sebarang masalah yang timbul supaya rakyat melihat wakil rakyat BN pemimpin yang baik dan sukar ditolak. Kelemahan kepemimpinan ialah pemimpin yang menunjukkan kekayaan berlebihan dan tidak berjaya menambat hati rakyat, ia akan memudahkan pembangkang menjatuhkan BN.

BH: Sebagai pemimpin pelapis Umno, apa harapan saudara terhadap parti?

ZAHIDI: Sebagai parti yang sudah banyak berjasa kepada orang Melayu, agama Islam dan negara, harapan saya ialah Umno terus memerintah negara dan menjadikan Melayu sebagai 'tuan' di negara ini. Kita juga berharap Umno dan kerajaan dapat memelihara keamanan dan kemakmuran negara. Saya yakin Umno akan terus diterima masyarakat, terutama orang Melayu, dan mendapat sokongan bangsa lain yang ada dalam negara ini. Umno adalah wadah sebenar perjuangan bangsa Melayu dan ia perlu dipertahankan. Hanya Umno dapat mempertahankan hak orang Melayu, menjamin keutuhan agama Islam dan mampu membawa bangsa kita menempuh kejayaan. Percayalah, tiada satu parti pun yang boleh menandingi kemampuan Umno dalam memartabatkan bangsa Melayu dan agama Islam dan perjuangan ini diteruskan oleh setiap pemimpin Umno baik dari dulu hingga sekarang.

(END)